

## PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
2. Bahagian I - Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. Bahagian ini melaporkan pengauditan berkaitan pengurusan lima syarikat Kerajaan Persekutuan. Secara keseluruhannya, dua syarikat mencapai objektif penubuhan; empat syarikat menunjukkan tahap pemakaian amalan tadbir urus korporat yang memuaskan; dan satu syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Jumlah keseluruhan modal berbayar bagi lima syarikat berhad menurut syer ialah RM2.567 bilion. Ringkasan penemuan utama bagi syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

### 2.1. Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)

- a. Modal berbayar: RM500 juta.
- b. Aktiviti utama: Menyediakan pembiayaan kepada syarikat/projek/kontrak yang berasaskan teknologi.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. KPI tahun 2022 tidak dicapai (78.3%). Pencapaian KPI tahun 2019 hingga 2022 menunjukkan trend menurun.
  - ii. Dua akaun memperoleh markah substandard diluluskan pembiayaan dan telah berstatus tertunggak.
  - iii. Perubahan pernyataan satu *Notice of Assignment* menyebabkan syarikat merekodkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM18.60 juta.
  - iv. Sasaran *gross non-performing financing* (NPF)/*gross impaired financing* (GIF) tahun 2019, 2021 dan 2022 tidak tercapai.
  - v. 33.3% sampel akaun tidak mematuhi asas menurunkan nilai atau hapus kira akaun NPF.

### 2.2. CSB Land Sdn. Bhd. (CSB Land)

- a. Modal berbayar: RM2.
- b. Aktiviti utama: Memperoleh tanah bagi tujuan membina kediaman dan bangunan iaitu melaksanakan projek Laman View di Cyberjaya.

- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai sepenuhnya; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. Kelewatan penyiapan pembinaan Fasa 3C Projek Laman View adalah antara 25 hingga 587 hari berbanding tarikh sepatutnya siap.
  - ii. Anggaran Amaun Dijamin Minimum dan Bahagian Perkongsian Untung berjumlah RM118.37 juta belum diterima setakat tahun 2022.
  - iii. Kelewatan penyerahan kuarters kerajaan kepada Bahagian Pembangunan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri selama 306 hari.
  - iv. Laporan kemajuan kerja lewat dikemukakan melebihi tempoh 14 hari dari akhir setiap suku tahun kecuali bagi laporan suku ketiga dan keempat tahun 2020 serta suku pertama tahun 2021.
  - v. Kelewatan bayaran balik pendahuluan kepada syarikat induk iaitu Cyberview Sdn. Bhd. bagi tahun 2020 selama lima bulan daripada tarikh sepatutnya dan kelewatan bayaran balik pendahuluan tahun 2021 selama setahun (telah dijelaskan pada 31 Disember 2022).

### **2.3. Kwasa Land Sdn. Bhd. (KLSB)**

- a. Modal berbayar: RM1.770 bilion.
- b. Aktiviti utama: Pemaju Utama pembangunan Kwasa Damansara.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai sepenuhnya; tadbir urus korporat adalah memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. 11.8% - 90.6% pencapaian KPI bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.
  - ii. Hanya 0.4% plot tanah boleh dijual siap dibangunkan berbanding perancangan asal pembangunan Kwasa Damansara mengikut kelulusan Majlis Ekonomi yang sepatutnya siap pada 2027.
  - iii. Hanya satu daripada 10 rakan pemaju menyiapkan pembangunan.
  - iv. Pembangunan ekonomi sosial Kwasa Damansara tidak dapat dinilai kerana tiada mekanisme pengukuran pencapaian ditetapkan.
  - v. Setakat 1 April 2023, tiada pembayaran dividen dan bayaran balik pembiayaan kepada KWSP.
  - vi. Penglibatan Pengarah Urusan dalam *Tender Opening Committee* tidak mematuhi SOP.

## **2.4. KETENGAH Holding Sdn. Bhd. (Ketengah Holding)**

- a. Modal berbayar: RM37.29 juta.
- b. Aktiviti utama: Syarikat pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan serta perniagaan kepada syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kukuh.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. Sasaran pendapatan aktiviti utama syarikat subsidiari berjumlah RM111.68 juta tidak tercapai kecuali perladangan.
  - ii. Sejumlah RM500,000 telah dilaburkan dalam syarikat subsidiari penternakan puyuh namun pengeluaran produk tidak capai sasaran.
  - iii. Sejumlah RM3.37 juta telah dilaburkan dalam dua syarikat subsidiari pengkuarian namun pengeluaran produk tidak capai sasaran dan satu kuari tidak beroperasi sejak 2016.
  - iv. Suntikan modal dalam syarikat subsidiari berjumlah RM2.35 juta dibelanja tidak mengikut kelulusan.

## **2.5. UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UiTM Holdings)**

- a. Modal berbayar: RM259.98 juta.
- b. Aktiviti utama: Syarikat pegangan pelaburan dalam subsidiari.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat belum tercapai sepenuhnya; tadbir urus korporat pada tahap kurang memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kurang stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. Pencapaian KPI tidak memuaskan iaitu antara 32% hingga 46% bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.
  - ii. Penjejasan nilai pelaburan RM64.63 juta (52%) dalam syarikat subsidiari pada tahun 2022.
  - iii. Keberhasilan aspek pulangan dividen kepada UiTM belum dapat dinilai.
  - iv. Suntikan modal berjumlah RM259.98 juta oleh UiTM tiada kelulusan Menteri Kewangan.
  - v. Pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri masih belum diperoleh dan dikenakan denda serta cukai tanah berjumlah RM14.69 juta (UiTM Solar Park I).

- vi. Tujuh daripada sembilan elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.
3. Bahagian II - Pengurusan Dana dan Aktiviti Pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan adalah kurang memuaskan. Ringkasan penemuan utama adalah seperti berikut:
- a. Setakat bulan Disember 2022, TEKUN Nasional menerima dana daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berjumlah RM395 juta dan dana yang diagihkan berjumlah RM542.50 juta (termasuk sumber dalaman TEKUN Nasional);
  - b. Peruntukan berjumlah RM325 juta yang diterima bagi lima program iaitu TEKUN - Bumiputera, Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (Covid Business Recovery Micro - CBRM) 2.0 [CBRM 2.0], Skim Pembiayaan Usahawan Informal 2.0 (SPIN 2.0) dan TEKUN Mobilepreneur 4.0 telah disalurkan sepenuhnya kepada usahawan dalam tempoh dua hingga lapan bulan;
  - c. Dana bagi tiga program disalurkan melebihi peruntukan iaitu TEKUN - Bumiputera dengan lebih RM174.63 juta, SPUMI dengan lebih RM10.44 juta, dan TEKUN Mobilepreneur 4.0 dengan lebih RM4.06 juta. Jumlah keseluruhan lebihan penyaluran ialah RM189.13 juta; dan
  - d. Penilaian lanjut dibuat terhadap aktiviti pembiayaan melibatkan 80 sampel usahawan mendapat:
    - i. Pengurusan permohonan pembiayaan: 13 usahawan tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap dan 17 usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap. Jumlah pembiayaan yang terlibat ialah RM0.74 juta.
    - ii. Pengurusan kelulusan pembiayaan: 56 usahawan telah lewat diproses sehingga 50 hari bekerja.
    - iii. Aktiviti program/skim pembiayaan: 28 usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan dan 26 daripadanya mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas.
    - iv. Pengurusan bayaran balik pembiayaan: bayaran balik 65 usahawan tidak mengikut jadual melibatkan tunggakan berjumlah RM0.64 juta.

- v. Pengurusan tunggakan pembiayaan: 38 daripada 54 usahawan mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas tidak dikeluarkan notis tuntutan.
4. Bahagian III - Pengauditan Penilaian Kendiri Syarikat Kerajaan merupakan projek rintis pada tahun 2023. Sebanyak 30 syarikat Badan Berkanun Persekutuan dengan modal berbayar berjumlah RM8.803 bilion dipilih untuk penilaian kendiri ini. Pencapaian keseluruhan syarikat berdasarkan kombinasi pencapaian aspek tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan menunjukkan empat (13.3%) syarikat berada pada tahap Baik; 10 (33.4%) syarikat berada pada tahap Memuaskan; dan 15 (50%) syarikat berada pada tahap Kurang Memuaskan. Satu (3.3%) syarikat iaitu Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd. tidak dinilai kerana telah dibubarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Implikasi pembubaran syarikat ini menyebabkan FELDA menanggung kerugian dalam pelaburan berjumlah RM54.88 juta. Jumlah kerugian terkumpul pada tahun 2021 bagi 17 syarikat yang dilaporkan adalah sebanyak RM1.292 bilion. Jumlah dividen dibayar pada tahun 2021 adalah RM118.89 juta melibatkan sembilan syarikat.
5. Sebanyak 49 syor Audit telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.